

## **BANK PKS PERLU MENEPATI CIRI-CIRI INSTITUSI KEWANGAN ISLAM**

Penubuhan Bank PKS yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini merupakan berita yang amat menggembirakan rakyat Malaysia. Ianya merupakan agenda serampang dua mata kerajaan iaitu menjadi pemangkin pembangunan ekonomi dan penyelesaian masalah pengangguran yang semakin meruncing ketika ini.

Bank PKS merupakan institusi kewangan khusus untuk pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS). Dengan tertubuhnya Bank PKS ini ianya diharapkan akan dapat menyelesaikan masalah ketidaksudian bank-bank memberi pinjaman atau pembiayaan kepada IKS. Kajian oleh Asian Development Bank turut mendapati bahawa tiada satu bank yang benar-benar memahami firma IKS. Bank tidak patut dipersalahkan sepenuhnya dalam hal ini kerana sememangnya “nature of business” mereka yang berorientasikan keuntungan dan mengelakkkan keingkaran pembayaran pembiayaan yang tinggi di mana ianya mampu memberi kesan buruk kepada imej dan potensi sesebuah bank. Kebiasaan bank akan melihat faktor aset kualiti dan prospek perusahaan.

Pengusaha-pengusaha IKS yang kini dikatakan seramai 760,000 dan terutamanya siswazah-siswazah menganggur patut mengambil peluang ini untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan. Fakta menunjukkan pada tahun 2004 sahaja lebih 65 ribu graduan memohon memasuki profession perguruan Kursus Lepasan Ijazah. Berdasarkan faktor tersebut dapat dikatakan puluhan ribu graduan menganggur dan tidak mendapat kerja tetap ketika ini. Penubuhan Bank PKS diakui satu langkah bijak dan berhikmah pihak kerajaan

Di samping reaksi positif dengan tertubuhnya Bank PKS, diharapkan agar kerajaan memastikan Bank PKS ini menepati ciri-ciri institusi kewangan Islam. Objektif institusi kewangan Islam bukan sahaja tertakluk kepada keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada soal kebajikan. Oleh itu perkhidmatan yang diberikan mestilah berbeza daripada prosedur biasa syarikat kewangan yang lain.

Pertama, konsep pembiayaan berlandaskan Islam iaitu tiada faedah atau bebas daripada unsur-unsur riba, gharar dan perjudian. Ini bukan bermakna Bank PKS tidak boleh membuat keuntungan tetapi Bank PKS boleh menjana keuntungan melalui konsep-konsep muamalat Islam seperti *Bai Bithman Ajil*, *Bai Al Istisna’ Bai Al-Murabahah* dan sebagainya. Konsep kredit Islam ini diterima baik oleh semua kaum di Malaysia bahkan di seluruh dunia Islam dan bukan Islam. Kedua, kadar keuntungan yang setimpal dengan taraf hidup pengusaha IKS bersesuaian dengan konsep *Ghabnu Fahish* (Keuntungan berlebihan) yang dicegah oleh Islam. Ini memandangkan firma IKS ini dipelopori oleh golongan yang berpendapatan rendah. Mana mungkin mereka ini menambahkan pendapatan mereka sekiranya dibebani dengan pembayaran pembiayaan yang sangat tinggi. Ketiga, syarat cagaran yang lebih longgar dan fleksibel. Permasalahan utama pengusaha IKS sebenarnya merujuk kepada syarat cagaran di mana bank kebiasaannya hanya akan menerima aset berkualiti yang sememangnya tidak dimiliki oleh mereka. Sebagai alternatif kaedah *kafalah* dan *hawalah* boleh digunakan di mana individu atau

mana-mana badan swasta atau kerajaan yang lebih berkemampuan menjadi *kafil* bagi menggantikan sistem cagaran.

Keempat, syarat kelayakan pembiayaan yang lebih ringan dan kelulusan permohonan lebih cepat dan pantas. Kerenah birokrasi perlu dihindarkan dan diwujudkan satu prosedur seragam yang lebih efisyen bagi membolehkan pengusaha IKS menikmati kemudahan pembiayaan dengan semaksimanya. Kelima, proses tindakan pembayaran balik pembiayaan yang lebih fleksibel. Pengusaha IKS yang bermasalah untuk membuat pembayaran balik mungkin akan diberikan tempoh lanjutan pembiayaan. Keenam, pengecualian pembayaran duti setem, yuran pemprosesan dan sebagainya yang menambahkan bebanan pengusaha IKS.

Ciri yang paling penting sekali diaplikasikan ialah keutamaan konsep pembiayaan berteraskan konsep *mudarabah* dan *musyarakah*. Hingga kini bank tidak mempopularkan konsep ini memandangkan risiko di dalam pembiayaan ekuiti ini yang tinggi berbanding konsep-konsep lain. Bank PKS patut mengaplikasikan konsep *mudharabah* dan *musyarakah* ini kerana ianya lebih dekat dengan *maqasid* dan *ruh* undang-undang syariah. Hal ini diterangkan dengan lebih mendalam oleh Khurshid Ahmad seorang intelektual ekonomi Islam di dalam bukunya. Bahkan amalan inilah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dengan Saidatina Khadijah lebih 1400 tahun yang lalu.

Berdasarkan ciri-ciri institusi kewangan Islam tersebut, ianya dapat memantapkan lagi imej dan peranan Bank PKS kepada kumpulan sasarannya. Sesungguhnya Bank PKS bakal menjadi tunggak pembangunan ekonomi negara. Fakta menunjukkan betapa sektor IKS ini begitu penting terhadap kemajuan sesebuah negara di mana negara seperti Jepun, Itali dan Jerman begitu menitikberatkan pembangunan IKS. Kepada warga Malaysia, rebutlah peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini dengan bijaksana. Marilah bersama-sama merealisasikan hasrat murni negara ke arah pembentukan bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang khususnya dalam pembangunan ekonomi negara. **ZULKIFLI HASAN.**